

HUBUNGAN ANTARA PEMERINTAH DAN RAKYAT MENURUT QURAN, SUNNAH DAN PANDANGAN ULAMA UMMAH

Kenyataan saya pada 19 Februari, 2009 mengenai “hukum menderhaka kepada pemerintah” telah mengundang reaksi yang berbeza di kalangan pembaca. Ada yang menerima dengan baik, dan ada pula yang mempersoalkannya. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua yang memberi respons, sama ada dengan cara yang baik atau sebaliknya. Kerana apa yang penting bagi saya ialah melaksanakan kewajipan menyampaikan apa yang wajib disampaikan. Dalam tulisan ini saya akan cuba membuat huraian yang lebih lanjut mengenai persoalan ini berpandukan maklum balas yang diterima. Di samping itu, kenyataan yang disebutkan di atas akan disiar semula dengan disertai teks arab bagi petikan Hadis Nabi S.A.W. Tulisan ini juga akan disertakan dengan teks daripada beberapa kitab yang ditulis khusus mengenai topik ini. Disamping itu akan dimuatkan juga teks berkaitan dengan fenomena pemikiran Khawarij. Adalah diperhatikan bahawa kegawatan yang melanda beberapa bahagian alam islami dewasa ini adalah sebahagiannya disebabkan oleh pengaruh pemikiran ini di kalangan masyarakat Islam khususnya generasi muda.

2. Mohd Ghazali Daud menghantar kepada saya reaksi beliau berjudul “Mufti Buat Hadis Palsu”. Kesimpulan ini berdasarkan apa yang beliau anggap sebagai “analisa ilmiyyah” oleh Ustaz Al-Bakistani. Adalah diperhatikan bahawa walaupun tali kail Ustaz ini kelihatan agak panjang, namun ia tidak cukup panjang untuk menjangkau Hadis yang saya petik tentang berarak ke arah Sultan. Nas Hadis yang dikatakan palsu itu akan dikemukakan di sini seperti yang dipetik oleh Dr. Yahya Ismail dalam hukumnya “Manhaj al-Sunnah” halaman 207 dengan takhrijnya sekali. Imam Al-Baghawi juga menyebut makna Hadis ini daripada Huzaifah dengan lafaz yang berbeza (lihat Syarh al-Sunnah: 10/54).

Tidak dapat dipastikan apakah faktor yang mendorong Al-Bakhistani begitu cepat menghukum Hadis ini sebagai palsu tanpa membuat penyelidikan lanjut atau mendapat penjelasan daripada saya terlebih dahulu.

Al-'Allamah al-Iraqi mengambil masa sekitar empat puluh tahun dalam usahanya mentakhrij Hadis-Hadis Ehyaa' sebalum mengeluarkan kitabnya "al-Mughni". Dalam keadaan demikianpun masih terdapat Hadis yang beliau tidak temui sumbernya. Namun beliau tidak terus menghukumnya sebagai Hadis palsu. Sebaliknya berpada dengan mengatakan bahawa Hadis ini tidak dapat ditemui sumbernya. Ini ialah kerana al-'Iraqi tidak terkeliru dan dapat membezakan antara dua kenyataan berikut: "saya tidak tahu ada" dan "saya tahu tidak ada". Kerana tidak semestinya apa yang kita tidak tahu dan tidak temui itu tidak ada. Inilah adab yang sentiasa menjadi pegangan para ulama'. Dengan sebab itu mereka mengambil sikap berhati-hati dan tidak cepat menghukum kerana mereka memahami bahawa sikap berhati-hati atau "attanni" itu daripada Allah, manakala terburu-buru atau "al-'ajalah" adalah daripada syaitan. Seperti maksud sebuah Hadis Rasulullah s.a.w. Mereka juga benar-benar menghayati akan firman Allah ta'ala dalam surah Yusof ayat 76 yang bermaksud: "Dan atas setiap orang yang berilmu pengetahuan, ada lagi yang Maha Mengetahui". Berkata Imam al-Hasan al-Basri: "Tiada seorang 'alim pun melainkan ada yang lebih 'alim daripadanya hingga berkesudahan dengan Allah 'Azzawajalla".

Ini berbeza sama sekali dengan Ustaz Bakistani yang hanya mengambil masa sehari sahaja untuk membuat penyelidikan dan memutuskan Hadis yang saya sebut itu palsu. Dan dengan itu menuju Mufti Wilayah telah memalsukan Hadis. Pada hakikatnya secara tidak langsung tuduhan ini melibatkan juga setiap ulama' yang meriwayat dan memetik Hadis ini. Pada hemat saya ini berlaku disebabkan kesalahan dalam kaedah berfikir atau logik. Apa yang kita tidak tahu ada, adalah berbeza sama sekali dengan yang kita tahu tidak ada. Jika kenyataan-kenyataan tersebut diletakkan pada tempat yang salah ia akan melahirkan kesimpulan dan hukuman yang salah. Dengan sebab itu, dalam sistem pengajian Islam tradisional, pengajian ilmu mantiq dititik beratkan bagi membentulkan jalan dan kaedah berfikir.

Kehebatan ilmu Ustaz Bakistani ini bukan sahaja terserlah pada kemampuannya menentukan Hadis yang saya bawa itu palsu dalam masa sehari, tetapi juga pada cara dia menegakkan hujah-hujahnya. Dia seolah-olah berhadapan dengan seorang yang baru setahun jagung belajar ilmu-ilmu Islam dan bahasa Arab. Oleh itu saya kelihatan pada beliau tidak mampu membezakan antara "pada hari kiamat" dengan

“sebelum hari kiamat”. Walaupun diakui bahawa saya bukanlah seorang yang terlalu ‘alim, tetapi tidaklah sampai ke tahap tidak mampu membezakan antara “yaumal qiyamah” dengan “qabla yaumil qiyamah”.

Dalam tradisi keilmuan Islam persoalan adab diberi perhatian berat disamping ilmu. Kerana ilmu tanpa adab boleh merusakkan. Rasulullah s.w.a. menyatakan bahawa Allah Taala sendiri yang mengajar Baginda adab yang baik. Berkata Thawus Bin Kisan :

(من السنة أن يوقر أربعة : العالم وذو الشيبة والسلطان والوالد)

“ Sebahagian daripada ajaran Sunnah ialah memuliakan empat golongan: Orang ‘alim, Orang tua, Sultan dan Ibu Bapa”

3. Pendirian Mohd Ghazali Daud juga menarik untuk dianalisa disini. Kerana ianya mencerminkan corak pemikiran yang ada pada hari ini di kalangan sebahagian masyarakat Islam. Kesimpulan beliau yang kemudiannya diterjemahkan dalam bentuk tuduhan bahawa “Mufti Wilayah buat Hadis palsu” dibuat berdasarkan semata-mata kepada apa yang beliau panggil “analisa ilmiah” oleh Al-Bakistani. Pendekatan seperti ini bukanlah satu cara yang betul dalam mencari kebenaran, khususnya dalam perkara yang begitu penting, iaitu yang menyentuh hubungan dengan golongan yang dimuliakan dalam Quran dan Sunnah dan diberi kedudukan selepas Allah dan RasulNya. Imam Ghazali dalam Ehya’ menyatakan bahawa kewajipan rakyat terhadap pemerintah lebih berat daripada kewajipan anak terhadap ibu bapa:

وأما الرعية مع السلطان فالأمر فيها أشد من الولد، فليس لها
معه
إلا التعريف والنصح (الإحياء : ٤٤٥ / ٢)

Dan bukti seperti ini sudah tentu tidak boleh dijadikan asas untuk menuduh seseorang muslim melakukan dosa besar seperti memalsukan Hadis. Seperti yang diketahui dosa terhadap manusia tidak diampun oleh Allah Ta'ala kecuali setelah diampun oleh sahibul haq. Al-Quran surah Al-Tur ayat 21 menyatakan bahawa setiap manusia terikat dengan amal yang dikerjakannya. Manakala ayat 36 dari surah Al-Isra' pula melarang manusia memperkatakan apa yang seseorang itu tidak mempunyai pengetahuan mengenainya. Kerana sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu akan tetap ditanya tentang apa yang dilakukannya.

Ibnu Khathir dalam tafsirnya berkata: “ kesimpulan apa yang disebut oleh para ulama’ tentang ayat ini ialah : bahawa Allah Ta’ala melarang bercakap mengenai sesuatu tanpa mengetahui hakikat sebenarnya, bahkan berdasarkan kepada sangkaan semata-mata, yang ianya tidak lebih daripada waham dan khayal sahaja”.

Persoalannya : Apakah mungkin seseorang itu ketika disoal di akhirat kelak melepaskan diri dengan mengatakan bahawa dia berpegang dengan hasil analisa atau pendapat si pulan, atau mengikut apa yang dikata oleh pemimpin yang dikagumi?

4. Respons daripada Mohd Arifin, Amat Ali dan Awang Jagat juga agak menarik untuk dianalisa. Yang akan diberi tumpuan di sini bukan daripada segi kandungannya tetapi lebih kepada jalan berfikir. Ini bagi saya lebih penting kerana Allah S.W.T. telah menjadikan akal fikiran sebagai alat untuk mencari kebenaran dengan bantuan wahu. Dalam pemerhatian saya, ketiga-tiga respons ini mewakili pola pemikiran tertentu di kalangan sebahagian kelompok masyarakat kita.

Kesemua respons di atas menyatakan keliru dengan Hadis yang saya petik yang menunjukkan tindakan berarak beramai-ramai ke Istana bagi membantah keputusan Sultan adalah bertentangan dengan Sunnah. Kekeliruan yang timbul itu tentulah di sebabkan tindakan demikian telah diterima sebagai syar’ei kerana telah direstui oleh pemimpin dan ulama’ tertentu walaupun tanpa sebarang dalil dan hujah, dan tanpa sebarang rujukan kepada kitab dan ulama’ muktabar. Apabila saya mengeluarkan

kenyataan dengan menyebut Hadis dan Kitab-Kitab rujukan, maka ia dianggap pelik dan mengelirukan. Ini ialah disebabkan telah menjadi suatu standard yang diterima bahawa apa-apa yang datang dari kumpulan yang di sokong dan para pemimpinnya yang dikagumi adalah benar dan syar'ei, tanpa perlu dipersoalkan tentang dalil, hujah dan rujukannya. Ia tidak dianggap pelik dan mengelirukan, berbanding dengan pandangan yang berasaskan dalil dan rujukan.

Keadaan ini mengingatkan saya kepada satu kisah tamsil yang menceritakan seorang yang lahir dan membesar dalam lingkungan masyarakat yang semuanya tempang. Suatu hari ia terserempak dengan seorang yang berjalan betul, ia lalu mengatakan orang yang berjalan betul itu tempang.

Bagi golongan yang berada di bawah pengaruh pemikiran seperti ini, menyebut pandangan ulama' muktabar serta kitab-kitab mereka bukan suatu yang penting dan perlu dijadikan panduan, kerana yang penting ialah sesuatu pendapat itu sesuai dengan kepentingan kumpulan dan diperakui oleh para pemimpinnya.

Pemikiran seperti ini bukanlah sesuatu yang membina dan membawa kebaikan kepada ummah, malah dari segi tanggungjawab keagamaan, ia tidak boleh dijadikan pergantungan dalam menjawab setiap tindakan kita di hadapan Rabbul Jalil kelak. Dalam surah Al-Baqarah ayat 166 Allah Ta'ala menyatakan bahawa ketua-ketua yang menjadi ikutan di dunia ini akan melepaskan diri daripada pengikutnya, dan ketika itu segala hubungan antara mereka terputus.

Demi kepentingan ummah dan kebaikan diri sendiri, kita perlu membuat anjakan paradigma dengan membebaskan diri daripada pola pemikiran ala gerabak keretaapi yang tidak memiliki keupayaan bergerak sendiri, sebaliknya bergantung kepada daya gerak lokomotifnya.

5. Antara kata-kata yang terdapat dalam respons daripada Mohd Ghazali Daud ialah : "Hina puak-puak UMNO sangat-sangat". Manakala fendifly pula mengungkapkan kata-kata berikut : "tuan kepada tuan Mufti bukan Allah.....tetapi gambar ni.....", iaitu Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi yang gambarnya disertakan bersama.

Kedua-dua kenyataan di atas mengandungi mesej yang sama, iaitu orang UMNO yang keseluruhannya beragama Islam dan juga merupakan golongan yang memerintah di negara ini adalah hina. Kedudukan golongan ini dan kewajipan ta'at kepada mereka telah dinyatakan dengan jelas dalam Al-Quran ayat 59 dari surah An-Nisa', iaitu selepas Allah dan Rasulnya. Kedudukan dan kewajipan ini juga dinyatakan dalam banyak Hadis Nabi S.A.W. sampai ke peringkat mutawatir dari segi maknya. Malah Hadis Abu Umamah yang diriwayat oleh Imam Ahmad, Tirmizi, Ibu Hibban, Al-Tabrani, Al-Hakim dan Ibnu Abi 'Asim meletakkan ta'at kepada para pemerintah sebaris dengan rukun-rukun Islam seperti sembahyang, puasa dan zakat (lihat Feq al-Siasah al-Syariyyah hlm. 69). Inilah hukum syarak yang disepakati oleh ulama' sepanjang zaman tanpa mengira dari kumpulan manakah mereka. Malah kalau kita perhatikan Hadis berikut ini jelas menunjukkan Rasulullah S.A.W. memerintahkan umat Islam ta'at kepada pemerintah "bagaimanapun keadaannya";

أطِيعُوا أَمْرَاءَكُمْ مَهْمَا كَانَ ، فَإِنْ أَمْرُوكُمْ بِشَيْءٍ مَا جَنِّتُكُمْ بِهِ
فَإِنَّهُمْ يُؤْجِرُونَ وَتُؤْجِرُونَ بِطَاعَتِهِمْ ، فَإِنْ أَمْرُوكُمْ بِشَيْءٍ مَا لَمْ
آتُكُمْ بِهِ فَإِنَّهُ عَلَيْهِمْ وَأَتْتُمْ مِنْهُ بِرَاءً----(رواه الطبراني)

"Ta'atilah para pemerintah kamu bagaimanapun keadaannya; jika mereka perintah kamu melakukan perkara yang menepati ajaran yang aku bawa, maka mereka di beri pahala, dan kamu juga diberi pahala kerana menta'ati mereka; jika mereka perintah kamu melakukan perkara yang tidak menepati ajaran yang aku bawa, maka dosanya ditanggung oleh mereka, dan kamu terlepas daripada dosa"

Oleh yang demikian, jika terdapat ajaran yang bercanggah dengan ajaran Hadis di atas, maka ianya adalah ajaran bida'ah yang berasaskan hawa nafsu. Menurut Imam Ghazali, antara pintu besar yang mana melaluiinya syaitan menyusup masuk kedalam diri manusia iaitu ta'asub kepuakan, hawa nafsu, dendam terhadap lawan serta memperkecil dan menghina mereka. Ini adalah antara penyakit yang boleh membinasakan sama ada orang fasiq mahupun ahli ibadat.

Apa yang dinyatakan oleh Imam Ghazali ini bertepatan dengan Hadis Abi 'Asim seperti berikut :

Daripada Nabi S.A.W. :

يقول الشيطان : أهلكت الناس بالذنوب وأهلكوني
بلا إله إلا الله والاسْتغفار ، فلما رأيت ذلك ثبت فيهم
الأهواء فهم يذنبون ولا يستغفرون لأنهم يحسبون
أنهم يحسنون صنعا

“Syaitan berkata : Aku binasakan manusia dengan mengalakkan mereka melakukan dosa, tetapi mereka musnahkan usaha aku dengan kalimah syahadah dan istighfar. Setelah aku melihat keadaan itu, aku kuatkan hawa nafsu dalam diri mereka, lalu mereka melakukan dosa tanpa memohon keampunan daripada dosa tersebut, kerana menyangka apa yang mereka lakukan itu adalah amalan yang baik.”

Amalan begini dikenali dengan istilah bid'ah, dan pengamalnya disebut sebagai “ahlul ahwa”. Dan Iblis lebih mengemari amalan seperti ini seperti yang diungkapkan oleh Imam Sufyan Al-Thauri :

البدعة أحب إلى إبليس من المعصية : لأن المعصية
يتاب منها، والبدعة لا يتاب منها

“Amalan bid'ah lebih digemari oleh Iblis daripada maksiat kerana bertaubat daripada maksiat lebih mudah berbanding dengan bid'ah yang sukar untuk bertaubat daripadanya”.

Seperkara lagi yang ingin saya sebut mengenai tulisan Mohd Ghazali Daud ini ialah tentang bersyukur kepada manusia yang berjasa kepada seseorang. Saya

perturunkan di sini tajuk yang ditulis oleh Ibnu Hajar dalam “Azza-wajar” dan dalil-dalil yang beliau bawa. Daripadanya kita mengetahui bahawa perkara ini bukan kecil dan boleh diper mudahkan:

الكبيرة السابعة والثلاثون بعد المائة : كفران نعمة الخلق المستلزم للكفران نعمة الحق

“Dosa besar yang ke seratus tiga puluh tujuh ialah : Mengkufuri nikmat makhluk yang akan membawa kepada mengkufuri nikmat Al-Haq (Allah Ta’ala)”.

Imam Ibnu Hajar seterusnya membawa beberapa Hadis antaranya sabda Rasulullah S.A.W.

من أولى معروفا فلم يجد له جزاء إلا الثناء فقد
شكره ومن كتمه فقد كفره--- (رواه ابن حبان)

“ Sesiapa yang dilakukan kebaikan kepadanya, maka jika ia tidak dapat membalas melainkan dengan kata-kata pujian, itu bererti ia telah mensykurinya; sesiapa yang menyembunyikannya, bermakna ia telah mengkufurinya”.

لا يشكر الله من لا يشكر الناس (رواه أبو دايد
والترمذى)

“ Tidak bersyukur kepada Allah orang yang tidak bersyukur kepada manusia “ Imam al-Suyuti dalam al-Jaami al-Soghir menyebut sebuah Hadis yang dengan jelas meletakkan perbuatan tidak bersyukur sebaris dengan beberapa dosa besar:

خمس يعجل الله لصاحبها العقوبة : البغي،
والغدر ، وعقوق الوالدين ، وقطيعة الرحم ،

ومعروف لا يشكرون (رواه ابن بلال عن زيد بن ثابت)

“Lima dosa Allah segerakan balasan bagi yang melakukannya : menzalimi manusia, khianat, menderhaka kepada dua ibu bapa, memutuskan silatulrahim dan jasa yang tidak disyukuri”.

Terdapat ajaran yang disebarluaskan oleh sesetangah pihak mengatakan bahawa apa-apa kebaikan yang diterima daripada kerajaan adalah merupakan tanggungjawab dan kewajipan pemerintah yang tidak perlu disyukuri. Perlu diingat bahawa ini adalah hukum agama yang terdapat nas mengenainya. Pertama sekali, nas-nas di atas tidak membezakan samada kebaikan yang diterima itu datang daripada orang yang berkewajipan melakukannya atau tidak. Keduanya, pemakaian prinsip di atas membawa makna bahawa seseorang itu tidak wajib mensyukuri jasa ibu bapanya kerana memang menjadi kewajipan ibu bapa memberi nafkah dan menjaga anaknya. Pandangan ini jelas bercanggah dengan firman Allah Taala ayat 14 dari surah Luqman yang memerintahkan manusia bersyukur kepada ibu bapa selain daripada bersyukur kepada Allah S.W.T. Dan jika prinsip ini dipakai, bagaimana pula dengan jasa Nabi kita S.A.W. yang memang menjadi kewajipan Baginda menyampaikan dakwah kepada umatnya?

Apa yang dibentangkan setakat ini dirasakan memadai untuk kita menentukan yang manakah ajaran yang menjadi pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang bersumberkan Quran, Sunnah dan Ijma' Ulama, dan yang manakah ajaran bid'ah yang bersumberkan hawa nafsu.

Sesiapa pun tidak dapat menafikan bahawa golongan yang dihina oleh Mohd Ghazali Daud adalah yang berjasa memperjuangkan kemerdekaan dan membentuk kerajaan yang kebaikannya dinikmati oleh semua hingga ke hari ini. Dengan menyebut ini saya berharap telah menuai satu kewajipan yang di sebut dalam

sebuah Hadis riwayat Abu Daud yang bermaksud : “Sesiapa yang diberi kebaikan lalu ia menyebutnya, maka ia telah melaksanakan kewajipan bersyukur.....”.

6. PEMIKIRAN KHAWARIJ

Apabila di sebut Khawarij, maka apa yang biasa terlintas dalam fikiran kita ialah kumpulan pemberontak yang lahir di zaman Sayyidina Ali r.a.. Mereka memerangi dan menghalalkan darah Baginda dan siapa saja yang menyokong kerajaan ketika itu. Pada hakikatnya fenomena Khawarij adalah jelmaan daripada suatu bentuk pemikiran yang lahir sejak zaman Rasulullah S.A.W. lagi dan akan lahir dari semasa ke semasa. Khawarij pertama ialah Zulkhuwaisirah yang mengkritik cara Rasulullah S.A.W. membahagikan harta rampasan perang dan menuduh Baginda tidak berlaku adil dalam pembahagian tersebut. (lihat halaman 15 dan seterusnya daripada Kitab “Fikrulkhawarij”). Membahagikan harta rampasan peang adalah sebahagian daripada tugas pemerintahan yang dijalankan oleh Rasulullah S.A.W. sebagai Pemerintah Umat Islam pada waktu itu. Tugas ini diistilahkan dalam kitab-kitab fikah sebagai “tasarrufun bilimamah”. Ia berbeza dengan tugas-tugas menyampaikan wahyu, memberi fatwa dan tugas kehakiman (lihat al-Ihkaam Karangan Imam al-Qarafi).

Adalah diperhatikan bahawa dalam peristiwa ini Zulkhuwaisirah tidak membantah Rasulullah S.A.W. sebagai Nabi dan Rasul yang menyampaikan wahyu tetapi sebagai pemerintah yang menjalankan tugas-tugas pemerintahan. Diperhatikan juga bahawa pemikiran Khawarij diperingkat ini belum sampai ke tahap mengangkat senjata memerangi pemerintah sebagaimana yang berlaku di zaman Sayyidina Ali r.a. Namun begitu kita lihat Hadis-Hadis Rasulullah S.A.W. yang mencerca Khawarij bermula di tahap yang awal ini. Jika kita menyorot kembali gerakan Khawarij di zaman Sayyidina Ali, kemunculannya bermula dengan sekumpulan pengikut membantah keputusan Baginda menerima tahkim. Daripada segi hukum syarak, Baginda berhak membuat keputusan tersebut sebagai seorang pemerintah. Bantahan ini diikuti dengan tindakan mencerca, memarakkan kebencian seterusnya menghukum Baginda sebagai telah melakukan dosa besar. Pemikiran Khawarij yang bertunas daripada tidak bersetuju dengan keputusan pemerintah itu terus

membesar hingga ke peringkat ekstrem atau “ghuluw” dengan menghukum Sayyidina Ali dan penyokongnya sebagai Kafir dan halal darah serta wajib di perangi.

Kita lihat bagaimana tunas pemikiran Khawarij ini berkembang tahap demi tahap hingga ke tahap yang ekstrem dan menyimpang jauh daripada ajaran Islam yang dapat disaksikan melalui bentuk-bentuk hukuman dan tindakan-tindakan yang ganjil dan pelik atau “syuzuz”. Halaman 30 daripada Kitab “Fikrul Khawarij” menceritakan bagaimana segerombolan Khawarij menangkap Abdullah Bin Khabbab seorang penyokong Sayyidina Ali serta hambanya yang sedang hamil. Beliau kemudiannya di sembelih di tebing sebatang sungai. Hamba perempuannya yang sedang mengandung tidak sahaja dibunuh tetapi juga di belah perutnya. Sewaktu berjalan merentasi ladang kepunyaan seorang kafir zimmi mereka terserempak dengan seekor khinzir, lalu salah seorang daripadanya memancung khinzir tersebut dengan pedang. Perbuatan itu dibantah oleh teman yang lain dengan mempersoalkan apakah alasan yang menghalalkan pembunuhan khinzir kepunyaan zimmi. Ada riwayat menyebut bahawa mereka kemudiannya meminta untuk membeli buah tamar. Tuan punya kebun menawarkan kepada mereka buah tamar secara percuma. Tetapi mereka enggan menerima dengan menyatakan bahawa sebagai orang Islam mereka tidak boleh mengambilnya tanpa bayaran.

Daripada kisah yang dipaparkan itu, kita dapat melihat bagaimana pemikiran Khawarij ini berkembang hingga membawa kepada kesimpulan hukum dan tindakan yang pelik lagi ganjil. Nyawa orang kafir, harta benda dan khinzirnya lebih terpelihara daripada nyawa dan harta orang Islam yang tidak sehaluan dengan mereka. Maka tidak hairanlah mengapa Rasulullah S.A.W. memberi perhatian yang begitu berat terhadap kemunculan pemikiran ini walaupun pada tahapnya yang awal.

Adalah diperhatikan juga bahawa pengikut-pengikut gerakan ini terdiri daripada mereka yang kuat beribadat dan membaca Quran seperti yang diterangkan dalam Hadis-Hadis dan diceritakan dalam sejarah (lihat halaman 17 dan 31 daripada Kitab “Fikrul Khawarij”). Barangkali persoalan yang berbangkit dalam hubungan ini ialah : Dimanakah silapnya ? Sejarah Khawarij dan Hadis-Hadis Rasulullah tentang kumpulan ini menambah keyakinan kita betapa pentingnya berpegang dengan ajaran

Ahlul-Sunnah Waljamaah. Daripada pemerhatian saya, kesalahan besar kumpulan ini ialah : menderhaka kepada pemerintah dan tidak merujuk kepada ulama' muktabar dalam masalah hukum.

Pada diri Sayyidina Ali terangkum dua sahsiah di atas, iaitu seorang pemerintah dan pada masa yang sama seorang yang sangat 'alim.

Al-Imam Abu Bakr Muhammad Bin Al-Husin telah menulis mengenai golongan Khawarij ini dalam kitabnya "Kitab al-Syariah" :

لَمْ يُخْتَلِفُ الْعُلَمَاءُ قَدِيمًا وَحْدِيَّاً أَنَّ الْخَوَارِجَ قَوْمٌ
سُوءٌ، عَصَاءُ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ وَلِرَسُولِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ وَإِنْ صَلَوُا وَصَامُوا، وَاجْتَهَدُوا فِي الْعِبَادَةِ،
فَلَيْسَ ذَلِكَ بِنَافْعٍ لَهُمْ، وَإِنْ أَظَهَرُوا الْأَمْرَ
بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَا عَنِ الْمُنْكَرِ، وَلَيْسَ ذَلِكَ بِنَافْعٍ
لَهُمْ، لَا نَهُمْ قَوْمٌ يَتَأَوَّلُونَ الْقُرْآنَ عَلَى مَا يَهُوُونَ
يَمْوَهُونَ عَلَى الْمُسْلِمِينَ
- وَمِمَّا يَتَبَعُ الْحَرُورِيَّةُ مِنَ الْمُتَشَابِهِ قَوْلُ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ
: "وَمَنْ لَمْ يَحْكُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ
الْكَافِرُونَ" (الْمَائِدَةُ: ٤٤)، وَيَقْرَأُونَ مَعْهَا : "ثُمَّ
الَّذِينَ كَفَرُوا بِرِبِّهِمْ يَعْدَلُونَ" (الْأَنْعَامُ: ١) فَإِذَا رَأَوُ
الْأَمَامَ يَحْكُمُ بِغَيْرِ الْحَقِّ قَالُوا : قَدْ كَفَرَ، وَمَنْ كَفَرَ

عدل بربه، فقد أشرك، فهو لا الأئمة مشركون،
فيخرجون فيفعلون ما رأيت ، لأنهم يتأولون هذه
الآلية (كتاب الشريعة للإمام أبي بكر محمد بن
الحسين الأجري الشافعى)-

7. Untuk menjadi panduan saudara-saudara muslimin, saya siarkan di sini lampiran yang memuatkan halaman-halaman kitab yang ditulis oleh para ulama dahulu dan kini menghuraikan secara khusus hukum-hukum yang berkaitan dengan hubungan antara pemerintah dan rakyat mengikut pegangan Ahlul-Sunnah Waljamah berasaskan dalil-dalil daripada Quran, Sunnah dan Ijma' Ulama' :

- 7.1. "Manhaj al-Sunnah Fi al-'Alaqah Bain al-Haakim Wa-al-Mahkum". Buku ini adalah sebuah tesis PhD. oleh Dr. Yahya Ismail yang dikemukakan ke Universiti Al-Azhar dan lulus dengan kepujian Kelas Pertama.
 - 7.2. "Fiqh al-Siyasah al-Syariyyah Fi Dhau' al-Quran Wa al-Sunnah Wa Aqwal Salaf al-Ummah" oleh Dr. Khalid bin Ali Bin Muhammad al-Ambari.
 - 7.3. "Mu'amalah al-Hukkam Fi Dh'au' al-Kitab Wa al-Sunnah" oleh Dr. AbdurRahman bin Barjas al-Abd al-Karim.
 - 7.4. "Siraraj al-Muluk" oleh Imam Abu Bakr, Muhammad al-Walid al-Fihri al-Turtusyi" (451 – 520H) seorang ulama' dari Kurun ke enam Hijrah dan hidup sezaman dengan Imam Ghazali.
 - 7.5. "FIKR al-Khawarij Wa al-Siyah Fi Mizan Ahlul Sunnah Wa al-Jamaah" oleh Dr. Ali Muhammad Muhammad al-Salabi.
8. KESIMPULAN

8.1 Berasaskan Hadis Huzaifah yang diriwayatkan oleh Al-Bazzar, saya suka mengulangi apa yang disebut dalam kenyataan pada 19 Februari 2009 lalu bahawa perbuatan berarak ke Istana kerana membantah keputusan Sultan adalah haram di sisi syarak, walaupun ianya dilakukan oleh meraka yang berjubah dan berserban, kerana kedua-duanya tidak pernah menjadi dalil dalam menentukan hukum syarak. Malah penyalahgunaanya boleh membawa kepada kemurkaan Allah Taala seperti yang tersebut dalam sebuah Hadis riwayat Abu Daud, Nasaaie dan Ibnu Majah (lihat al-Jaami' al-Saghir Jld.1). Hukum haram ini juga dapat diambil daripada ayat Quran dan Hadis-Hadis yang banyak diriwayatkan dari Rasulullah S.A.W. hingga ke peringkat mutawatir, yang memerintah umat Islam supaya dengar dan ta'at kepada pemerintah (lihat 'Mu'amalah al-Hukkam dan lain-lain). Antara yang disebutkan dalam kitab berkenaan daripada al-'Allamah Sodruddin al-Sulamy ialah : "Sesungguhnya telah diriwayatkan kepada kita Hadis-Hadis Soheh yang sampai ke peringkat mutawatir – atau hampir kepadanya – menyatakan perintah Nabi S.A.W. supaya kita dengar dan ta'at kepada pemerintah (waliyyul amri), menasihati dan kasih kepadanya serta mendoakan kebaikan untuknya, dan ketahuilah bahawa ta'at kepada para pemerintah adalah fardu ke atas sekalian rakyat dan bahawa ta'at kepada Sultan diiringkan dengan ta'at kepada Al-Rahman".

8.2 Bertolak daripada hujah-hujah di atas juga, saya berpendapat bahawa sebarang perhimpunan dan tunjuk perasaan yang di larang oleh pihak berkuasa adalah haram di sisi hukum syarak. Penjelasannya adalah seperti berikut : Ketua Negara iaitu Yang Di Pertuan Agong adalah "waliyyul Amri" yang wajib di ta'ati perintahnya seperti yang terkandung dalam nas-nas yang disebutkan. Perdana Menteri di lantik oleh Ketua Negara bagi menjalankan tugas-tugas pemerintahan manakala Menteri Dalam Negeri pula dilantik untuk membantu Perdana Menteri dalam hal-hal yang berkaitan dengan keamanan dan keselamatan dalam negeri. Ketua Polis Negara pula diamanahkan untuk menjaga keselamatan dalam negeri dan bertanggungjawab kepada Menteri Dalam Negeri. Undang-Undang yang dijalankan oleh Polis diluluskan oleh Parlimen dan disahkan oleh Ketua Negara. Ini bermakna segala arahan pihak Polis yang berasaskan kepada undang-undang dilakukan bagi pihak "waliyyul Amri". Oleh yang demikian

mematuhi arahan mereka adalah wajib seperti yang mematuhi arah “waliyyul Amri”. Perkara ini diterangkan dalam sebuah Hadis riwayat Bukhari, Muslim, Ibnu Majah dan Ahmad daripada Abu Hurairah yang bermaksud : “ dan sesiapa yang ta’at kepada pegawai pemerintah yang aku lantik, maka itu bermakna ia ta’at kepada aku, dan sesiapa yang menderhaka kepada pegawai pemerintah yang aku lantik, maka itu bermakna ia menderhaka kepada aku” (lihat “manhaj al-sunnah” hlm. 301).

Keta’atan kepada golongan pemerintah tidak mengugurkan kewajipan menegur dan memberi nasihat kepada mereka. Namun ia perlu dilakukan dengan tertib, beradab dan penuh kesopanan. Imam Ahmad dan al-Tabarani meriwayatkan daripada Abdullah bin Abi Aufa Sabda Nabi S.A.W. yang bermaksud: “Hendaklah kamu berada bersama kumpulan umat terbesar (al-sawad al-A’azam) – dua kali – jika Sultan ingin mendengar daripada kamu datanglah ke rumahnya dan beritahu kepadanya apa yang kamu tahu, jika ia terima (itu adalah baik) tetapi jika tidak diterima, maka beredarlah, kerana kamu bukanlah lebih tahu daripadanya (lihat halaman 44 dan 313 manhaj al-Sunnah). Adab-adab menasihati pemerintah telah dihuraikan oleh Imam Ghazali dalam kitabnya Ehyaa’ Ulumuddin seperti yang telah disebutkan sebelum ini.

8.3. Pada pandangan saya tulisan-tulisan para ulama’ yang dipaparkan di sini adalah mencukupi untuk dijadikan rujukan dalam menentukan pandangan yang manakah sesuai dengan mazhab Ahlul Sunnah Wal-Jamaah dan yang manakah sebaliknya. Pendekatan merujuk kepada ulama’ ini adalah merupakan manhaj atau metodologi yang digunakan oleh Al-Azhar sejak lebih seribu tahun yang lalu dalam mempertahankan dan mengembangkan ajaran Ahlul Sunnah Wal-Jamaah. Kerana peranan ulama’ dalam memahami hukum-hukum syarak memang diperakui dalam AL-Quran dan Sunnah dan menjadi amalan sejak zaman Sahabat lagi. Sebaliknya penyimpangan dari manhaj ini dengan membuat tafsiran berdasarkan fikiran sendiri terhadap nas-nas syarak merupakan punca penyelewengan golongan bid’ah dari jalan Sunnah seperti yang berlaku kepada puak Khawarij.

Dalam sebuah Hadis riwayat Ibnu ‘Asakir, Rasulullah S.A.W mengingatkan umatnya akibat buruk dari apda perbuatan memberi fatwa tanpa berasaskan kepada ulama’, dimana Baginda bersabda yang bermaksud : “ Sesiapa yang memberi fatwa tanpa bersumberkan kepada ilmu, maka ia akan dilaknat oleh Malaikat di langit dan di bumi”. Manakala Hadis riwayat Ibnu Majah pula menyatakan bahawa sesiapa yang menyeru kepada suatu ajaran yang menyesatkan, maka ia akan menanggung dosa sebilangan orang yang mengikutnya tanpa mengurangkan dosa para pengikut tersebut (lihat al-Jami’ al-Soghir) Jika kita melihat kepada realiti yang ada di negara kita dewasa ini, kita dapati para ilmuan pada amnya terbahagi dua dalam menentukan pendirian terhadap kerajaan seperti yang diketahui umum. Mereka yang bersama, menyokong dan membantu Kerajaan mengikut kepakaran masing-masing sering dihina dan diberi berbagai label seperti “terompah kayu”, “ulama’ upahan” dan sebagainya.

Untuk pengetahuan saudara Mohd Ghazali Daud, pendirian di atas diambil bertolak daripada suatu pandangan yang sangat jelas ('ala bayyinah) berasaskan dalil-dalil dan ijтиhad para ulama' seperti yang di paparkan dalam ruangan ini. Malah sirah para ulama' yang karya mereka menjadi rujukan hingga ke hari ini menunjukkan pendirian yang sama. Ramai daripada kalangan mereka berkerjasama dengan pemerintah melalui jawatan-jawatan kerajaan yang mereka sandang seperti qadi, Mufti dan sebagainya. Misalnya – sekadar menyebut beberapa nama – al-Qadi Abu Ya’ala, al-Qadi al-Mawardi, Al-Qadi Abu Yusuf, al-Qadi Husain, al-Qadi Abu Said al-Harawy, al-Qadi Abdul Jabbar, Ibnu Khaldun, al-Qadi ‘Iyadh dan lain-lain. Malah Imam Syafi’e sendiri pernah menjadi pegawai kerajaan di Yaman setelah menamatkan pengajiannya di Madinah.

Dan jika di lihat pula kepada para ulama’ zaman kini, kita dapati sirah mereka juga selari dengan ulama’ terdahulu. Oleh kerana saya seorang alumni Azhar dan rakan-rakan yang terlibat juga ramai daripada kalangan orang Azhar, maka saya ingin mengambil contoh para guru dan ulama’ Azhar. Sepanjang pengalaman saya selama lebih tujuh tahun ketika menuntut di al-Azhar, bermula dari ijazah pertama hingga ke peringkat sarjana, dan sepanjang pemerhatian saya sehingga kini, saya tidak dapati ada di antara mereka menyertai petubuhan yang menentang kerajaan,

berusaha menjatuhkannya dengan melempar berbagai-bagai tuduhan dan cercaan terhadap pemerintah yang ada. Jika diambil kira alasan utama yang digunakan oleh penentang di sini suatu ketika dahulu, iaitu tidak melaksanakan hudud, maka keadaan yang sama juga berlaku di Mesir. Mungkinkah murid-murid yang ada di sini lebih ‘alim daripada guru-guru mereka yang ada di Al-Azhar? Apa yang diketahui ialah mereka sentiasa berkerjasama dengan kerajaan dengan memegang pelbagai jawatan mengikut penghususan dan kepakaran masing-masing.

Maka berasaskan keterangan-keterangan yang dikemukakan di atas, ingin ditegaskan di sini bahawa kami yang bersama dan menyokong kerajaan sedikitpun tidak merasa tergugat dengan kata-kata nista yang dilemparkan itu. Kerana kami tahu dengan yakin pendirian yang diambil itu bertunjangkan kejelasan hujah dan dalil serta mengikut contoh teladan para ulama’ pewaris Ambiya’. Kata-kata yang dilemparkan itu pada hakikatnya bukan sahaja mencerminkan kemuflisan hujah, tetapi juga kerendahan nilai dan adab para penuturnya. Apa yang dibimbangkan ialah akibat daripada kata-kata tersebut akan melantun kembali kepada mereka yang melontarkannya. Kerana ia secara tidak langsung boleh mengakibatkan cercaan kepada pegangan Ahlul Sunnah Wal-Jamaah serta sirah para ulama dan solihin.

Dengan menggunakan manhaj ilmi seperti yang diajar di Al-Azhar dan pusat-pusat pengajian tinggi Islam yang lain, tulisan-tulisan para ulama’ yang dibentangkan di sini boleh dijadikan neraca dalam menentukan manakah jalan sunnah dan manakah jalan bid’ah di antara dua pendekatan, iaitu bersama kerajaan dan menentang kerajaan. Kaedah merujuk kepada tulisan dan ijtihad ulama’ terdahulu yang digunakan ketika menulis tesis dan ketika menentukan hukum-hukum yang berkaitan dengan ibadah, mu’amalat, munakhat dan seumpamanya perlu juga di tatbiqkan dalam menentukan hukum-hukum yang berkaitan dengan hubungan antara pemerintah dan rakyat yang begitu diberi perhatian dalam Quran, Sunnah dan Karya para ulama. Namun halangan utama kepada pelaksanaan manhaj ini ialah corak pemikiran kekelompokan yang mendasari pendirian dan tindakan yang di ambil.. Kewujudan dan dominasi mereka yang sealiran dan seperguruan menjadi faktor penting dalam menentukan pendirian, dan bukannya hasil daripada kajian yang bersifat ilmiah dan objektif.

Perkara terakhir yang ingin saya sebut di sini ialah takwilan-takwilan Ustaz Bakistani jika ditakdirkan Hadis itu wujud, walaupun nampaknya beliau begitu yakin sekali Hadis tersebut palsu. Peringatan saya ialah takwilan terhadap mana-mana nas syarak yang menunjukkan maknanya dengan jelas dan terang hendaklah dibuat dengan berhati-hati dan cermat tanpa dipengaruhi oleh sebarang kepentingan. Supaya dengan itu kita terelak daripada mengulangi kesilapan yang pernah dilakukan oleh iblis ketika diperintah oleh Allah Taala supaya sujud kepada Adam A.S. Iblis menggunakan takwilan sendiri untuk tidak mematuhi perintah Allah Ta'ala demi mempertahankan kedudukannya, hingga akhirnya menjerumuskannya ke lembah laknat selama-lamanya (wal iyazubillah).

Semoga kita diberi taufiq dan hidayah oleh Allah Ta'ala untuk mengenali dan mengikuti jalan Ahlul Sunnah Wal-Jama'ah yang diperakui dalam Hadis-Hadis Saheh sebagai satu-satunya kesimpulan yang terselamat di akhirat kelak.

وَاللَّهُ أَعْلَم

DATUK WAN ZAHIDI BIN WAN TEH

Mufti Wilayah Persekutuan